

Headline	RM100 juta untuk lampu LED jalan kampung: PM		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	10 Feb 2018	Language	Malay
Circulation	125,514	Readership	947,000
Section	Nasional	Page No	1,3
ArticleSize	223 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 22,974		



RM100 JUTA PASANG 50,000 LAMPU LED JALAN KAMPUNG: PM Ms.3

RM100 juta untuk lampu LED jalan kampung: PM

Muar: Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, mengumumkan peruntukan RM100 juta untuk memasang 50,000 lampu LED di jalan kampung seluruh negara.

Sebanyak RM50 juta daripada jumlah itu dikeluarkan Tenaga Nasional Berhad (TNB), manakala kerajaan menambah baki RM50 juta untuk memasang kemudahan itu, yang bakal memberi manfaat kepada 2.5 juta penduduk kampung di seluruh negara.

"Program lampu jalan kampung dan FELDA memang amat dekat di hati saya. Tahun lalu, kerajaan memperuntukkan RM100 juta untuk memasang lampu jalan di kampung seluruh negara.

Suasana lebih cerah

"Lampu jalan kampung kalau kita pasang akan menjadikan suasana lebih ceria dan terang apatah lagi jika lampu LED. Oleh itu, tahun ini, kerajaan bersetuju memperuntuk-

**Fakta
nomor**

50,000 LAMPU

LED dipasang di jalan kampung seluruh negara

kan RM100 juta lagi untuk pemasangan 50,000 lampu jalan kampung LED di seluruh negara.

"Saya harap projek pemasangan lampu jalan kampung ini yang dijangka mengambil masa antara 10 hingga 14 bulan ini disegerakan, kalau boleh sebelum Aidilfitri," katanya.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Majlis Pemimpin Bersama Rakyat dan Majlis Penyerahan Lampu Jalan Kampung Fasa 8

Negeri Johor, di Padang Awam Buitkit Mor, Parit Jawa, dekat sini, semalam.

Yang turut hadir, isterinya, Datuk Seri Rosmah Mansor; Menteri Besar Johor, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin; Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob dan Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, yang juga Ahli Parlimen Muar, Datuk Seri Razali Ibrahim.